

Graduan jangan salahkan kerajaan

SIK: Siswazah Melayu yang masih menganggur perlu menyalahkan diri sendiri dan bukan menuding kepada kerajaan jika mereka gagal menempatkan diri dalam pasaran kerjaya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata sikap yang suka menyalahkan kerajaan kononnya tidak menyediakan peluang pekerjaan selepas graduan tamat Pengajian perlu dihindarkan kerana ia boleh menghancurkan masa depan negara.

Beliau berkata, graduan sepatutnya menyalahkan diri sendiri kerana tidak berupaya menempatkan diri dalam pasaran dunia pekerjaan yang semakin mencabar.

Katanya, graduan sepatutnya bersyukur kerana kerajaan yang ada memberi mereka peluang melanjutkan Pengajian ke peringkat yang lebih tinggi tanpa mengira bangsa.

"Oleh itu, sikap marahkan kerajaan, menganggap kerajaan zalim dan tidak bertimbang rasa tidak sepatutnya ada dalam diri mereka.

"Kita perlu tanya kepada diri sendiri, kenapa tidak dapat kerja. Ini semua sebab kita memilih kerja, hak kerja yang selesa, bergaji lumayan setaraf dengan kelulusan ijazah kita.

"Sikap seperti ini (menyalahkan kerajaan) akan menghancurkan kita



DR MAHATHIR dan isteri, Dr Siti Hasmah bergambar bersama sebahagian 245 pelajar Tingkatan Enam Rendah daripada sekolah seluruh Kedah yang mengikuti Kem Ketahanan Nasional Peringkat Negeri selepas melancarkan program itu di Kem Rimba Takwa, semalam. - Gambar Bernama

dan masa depan negara kerana kita berfikir negara berhutang dengan kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan utama di Kem Ketahanan Nasional anjuran Yayasan Pembangunan Masyarakat Daerah Kubang Pasu (YPMDKP) dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Kedah di Dewan Sri Enggang, Kem Rimba Taqwa, dekat sini, semalam.

Seramai 245 pelajar Tingkatan Enam dari seluruh Kedah menyertai

kem tiga hari itu yang berakhir hari ini.

Turut hadir Penasihat Utama YPMDKP, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Pengarah Jabatan Pelajaran negeri, Che Uda Che Nik.

Dr Mahathir yang juga penaung yayasah itu berkata, pengangguran lebih 46,000 siswazah Melayu ketika ini dapat dikurangkan pada masa depan jika generasi hari ini memilih bidang Pengajian yang diperlukan

masyarakat seperti perubahan, kejuruteraan dan sains berbanding jurusan agama dan sastera yang banyak diikuti pelajar Melayu.

"Saya bukan hendak merendahkan bidang itu tetapi hakikatnya tidak ada peluang untuk bidang sastera dan agama kerana peluang kerja agak terhad.

"Oleh itu, sewaktu di bangku sekolah lagi, pelajar perlu memikirkan dan memilih bidang yang menjadi keperluan masyarakat

pada masa depan.

"Selain itu, kita perlu menguasai bahasa Inggeris, mempunyai ke trampilan dan membuat keputusan dengan bijak. Jika tidak bijak, jangan marah kepada orang lain," katanya.

Beliau sedih dengan sikap Melayu yang berpuas liati dengan apa yang ada seperti berbangga kerana dapat masuk ke Universiti tetapi kursus yang diikuli tidak sesuai dengan keperluan masyarakat.